

22/06/2001

Wakil anggap ucapan Dr M agresif, menyeluruh

PERWAKILAN bahagian menyifatkan ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung kali ini lebih agresif dan menyeluruh serta memberi kesan mendalam kepada orang Melayu.

Wakil Bahagian Ledang, Zakaria Othman, berkata ucapan Presiden parti itu lebih agresif dan mampu membawa kesan mendalam kepada orang Melayu kerana ia menggambarkan situasi sebenar yang dihadapi orang Melayu ketika ini.

"Ucapan itu menggambarkan apa yang dialami orang Melayu ketika ini iaitu ketinggalan dalam serba serbi berbanding bangsa lain dan semakin berpecah.

"Seharusnya orang Melayu merenung kembali apa yang diucapkan itu dengan sedalam-dalamnya," katanya.

Wakil Bahagian Kota Tinggi, Rosli Ramli, pula berkata ucapan kali ini mantap dan beliau berpuashati kerana ia mengandungi semua fakta kukuh berkenaan apa yang dialami orang Melayu ketika ini.

"Ucapan itu harus dijadikan landasan untuk memperkuatkan orang Melayu untuk berubah supaya tidak menjadi orang asing di negara sendiri," katanya.

Sementara itu, wakil Bahagian Kangar, Azam Rashid, berkata beliau sedih apabila mendengar ucapan Dr Mahathir kerana apa yang diutarakan itu memang berlaku kepada orang Melayu.

"Ucapan itu menyeluruh dan mendalam serta menyentuh pelbagai aspek berkenaan orang Melayu.

"Saya merasakan ucapan itu menggambarkan sikap Presiden yang berterusterang mengenai nasib orang Melayu," katanya.

(END)